

Qalam

Majalah bulanan Melayu terbit tiap-tiap awal bulan Masihi.

Bilangan 5 – Disember 1950 – Senaskhah 50 sen

PERTUBUHAN SIAHAH ISLAM

-----*-----*-----

Setelah tamat Perang Dunia yang Kedua ini telah beberapa kali diuar-uarkan mengadakan suatu pertubuhan siasah Islam khasnya di Singapura ini dan ura-ura itu sehingga masa ini lepas satu, berganti satu tetapi pertubuhan siasah yang dicadangkan itu tidak juga tumbuh atau bertunas disebabkan barangkali penaja-penajanya itu hendak menubuhkannya tidak berpendirian ikhlas – masing-masing nampaknya berniat apabila tertubuh sahaja tubuh siasah muslimin itu maka masing-masing berhajat supaya mengambil faedah daripadanya yakni faedah untuk menduduki tempat-tempat yang terluang itu sekalipun ia tidak mempunyai cukup kelayakan di dalam menubuhkannya atau di dalam menjadi anggota-anggota yang akan menyelenggarakan pertubuhan itu supaya terbina di atas kepercayaan orang ramai dan mendapat sokongan yang bulat daripada kaum Muslimin.

Kesannya pertubuhan siasah muslimin itu kepada golongan-golongan yang bukan muslim tidak kecil dan dengan kerana itulah apabila tersiar sahaja berita tentang rancangan pertubuhan itu maka tuduhan-tuduhan didatangkan terutamanya daripada pihak progresif. Parti yang telah menuduh bahawa rancangan menubuhkan pertubuhan siasah Islam itu akan membangkitkan faham-faham perkauman di antara penduduk-penduduk di Singapura ini.

Progresif Parti boleh menuduh dengan demikian itu

dengan memberi atau menunjukkan alasan-alasan yang mereka itu tidak berdiri di atas dasar perkauman kerana di dalam pertubuhannya ada orang-orang Islam di dalamnya. Tetapi sebahagian besar orang Islam yang ada di dalam progresif parti itu nampaknya hanya orang-orang Islam yang tidak berjiwa penuh Islam dan harus mudah digunakan jadi perkakas oleh mereka itu yang terbukti daripada beberapa perkara yang telah dirundingkan yang mengenai kepada malisahat orang-orang Islam itu telah dikebelakangkan oleh mereka dan mereka menyebelah kepada dasar-dasar progresif parti yang bertentangan dengan malisahat orang-orang Islam itu.

Dengan apa yang tersebut ini bagi orang-orang Islam sudah pada tempatnya dengan seberapa segera yang boleh menyusun dan mengatur suatu pertubuhan siasah Islam dengan mengadakan “Parti Disiplin” (tidak meluluskan anggota-anggotanya memegang atau menjadi anggota-anggota pertubuhan siasah yang lain) kerana dengan demikian ini baharulah tiap-tiap seorang itu menumpukan perhatiannya kepada kehendak-kehendak dan malisahat orang Islam.

Di dalam pertubuhan ini jangan kelak sekali-sekali ada di dalamnya mereka-mereka yang bercampur itu orang-orang yang akan menggunakan wangnya kerana mengutamakan dirinya ataupun ada orang-orang yang sengaja masuk di dalamnya untuk mencari peluang supaya terkemuka atau dikemukakan ataupun kerana hendak mengambil peluang daripadanya supaya mendapat harapan dipilih di dalam undian bagi majlis mesyuarat negeri atau munisipal.

Sekiranya langkah itu dibuat dengan cara demikian ini maka sudah tentu adanya pertubuhan itu sebagaimana lazim biasa jua kerana apabila pertubuhannya diadakan menjadi medan untuk mereka-mereka merebut peluang maka sudah tentu yang demikian itu tidak ada faedahnya dan inilah dia yang menyebabkan tiap-tiap cita-cita itu terbantut dan tidak berjaya sebab dengan sifat yang demikian ini sudah tentu tidak akan mendapat atau tidak akan menerima kepercayaan daripada orang ramai kaum muslimin.

Oleh sebab ada riak-riaknya hendak menubuhkan lagi pertubuhan siasah Islam yang beberapa lamanya menjadi cita-cita sahaja itu maka moleklah kiranya kita mengingatkan di sini supaya mereka – mereka yang bercita-cita menubuhkannya itu menyelidiki perjalanan Rasulullah (SAW) iaitu menganjurkannya dengan beberapa orang dahulu – memberi cukup faham dan semangat kepada mereka dan setelah dari semasa ke semasa fahaman itu kuat terlekat di dada maka baharulah meluaskan lagi sempadan-sempadannya dengan lebih luas tetapi hendaklah ingat jangan sekali-sekali di dalamnya termasuk mereka-mereka yang berbelah-belah hati atau mereka-mereka sebagaimana yang telah disebutkan di atas semata-mata untuk mengambil peluang mencari faedah di dalamnya – yang demikian ini sangat merbahaya kepada keselamatan pertubuhan itu jika bertubuh kelak.

Pertubuhan siasah Islam pada masa ini sangat mustahak bukannya sahaja di Singapura bahkan mustahak adanya di Semenanjung Tanah Melayu kerana dengan adanya pertubuhan siasah itu, terutamanya di dalam Tanah Melayu, akan mengambil kekuasaan yang kuat menuntut hak kemerdekaan beragama yang termaktub di dalam akuan-akuan perjanjian di antara kerajaan British dengan Sultan-sultan Melayu yang mereka tidak mengganggu adat dan agama orang-orang Melayu.

Dengan adanya perjanjian itu maka sekalipun kedudukan Iktisaad kita boleh dibilangkan runtuh sama ada disengaja meruntuhkan atau tidak, adalah menjadi suatu kekuatan yang boleh mentadbir dan menyelamatkan kedudukan kita pada masa yang akan datang dan dengan mendirikan hak agama itulah orang-orang kita boleh diselamatkan daripada menjadi lebih kucar-kacir daripada hari ini sebab kekuatan siasah itu terutamanya telah terbuka bagi kita hak mutlak kita untuk mendirikan kedudukan kita di sini lebih luas daripada kita berdiri di atas nama bangsa terutamanya pula gerakan-gerakan kebangsaan itu seperti yang ada sekarang telah menopengkan agama itu untuk

menegakkan perdirinya supaya mendapat sokongan daripada orang-orang Melayu yang sangat kasih kepada agama Islam.

Mudah-mudahan orang-orang kita Melayu menyedari bahawa dengan mendirikan pertubuhan yang berdasarkan Islam itu kelak umat Melayu dapat tertolong dan dengan ini mudah-mudahan tergeraklah kiranya hati-hati mereka menubuhkan pertubuhan yang bersifat agama itu dan sifat yang demikian itu adalah sangat mustahak pada masa ini yang ditujukan bukan untuk di luar tetapi bagi keselamatan maslahat dan kedudukan negeri ini adanya.

-----*-----*-----

TAMPUK DUNIA DIPEGANG OLEH ORANG-ORANG TUA

-----*-----*-----

Jikalau kita cuba menyasiat nescaya akan mendapati bahawa orang yang mengemudi kerajaan-kerajaan dunia ini kebanyakannya daripada orang-orang tua.

Misalnya : Truman berumur 65 tahun, Stalin 70 tahun, Sforza (Itali) 76 tahun, Conrad Idinaor (Jerman) 73 tahun dan Bushida Jepun 71 tahun.

Di England pula kita boleh dapati Bibin berumur 68 tahun, Winston Churchill 75 tahun. Walaupun yang demikian tetapi beliau telah masuk berjuang di dalam pemilihan raya dengan tenaga muda. Juga Tuan Ann Smiths berumur 75 tahun seperti rakannya dan sahabat karibnya Tuan Churchill (Smiths telah meninggal dunia baharu-baharu ini).

Di France pula ketua kerajaannya Tuan Oriol berumur 66 tahun manakala Tuan Balm dan Hiriut telah mencapai umur 70 tahun.

Di Mesir – an-Nahas Basya telah melampau umur 60 tahun manakala dua orang “diktator” didapati di dunia pada hari ini iaitu Franco (Spain) dan Firun (Uwajtania) berumur 53 tahun.